

Air hujan tidak mengalir ke laut

Penduduk dakwa projek pembinaan kunci air punca banjir sekitar BNO



Sholih mengambil inisiatif membuat batas kecil untuk mengelakkan air terus memasuki kebunnya.

BAGAN NAKHODA OMAR – Projek pembinaan kunci air didakwa mempunyai hubung kait masalah banjir berlaku sekitar Bagan Nakhoda Omar (BNO) sejak dua minggu lalu.

Penduduk mendakwa, pembinaan itu menyebabkan air hujan tidak dapat dialirkan ke laut seperti kebiasaan memandangkan pintu kunci air lama ditutup.

Menurut sumber, tiga pam air di letakkan di dua lokasi berasingan bagi membantu mengepam air ke laut, namun ianya tidak banyak membantu sehingga menyebabkan penduduk mengalami banjir berlarutan, malah difahamkan ada ular sawa memasuki rumah penduduk.

Warga emas, Ngatiah Kasim, 64, dan suaminya, Damiri Sarimin, 80, berkata, air hujan di halamannya sejak 10 hari lalu hingga mereka terpaksa menempuh keadaan yang sama ketika Aidiladha baru-baru ini.

“Ini adalah kejadian pertama sejak lebih 40 tahun kami di sini, dan selalunya apabila musim tengkujuh, memang ada banjir berlaku namun air akan cepat kering dan tidak meng-

ambil masa lama seperti sekarang dan mencecah sehingga paras satu kaki.

“Pada masa sama, air banjir ini juga sudah mula masuk ke dalam rumah menerusi bilik air dan bimbang juga kalau air tidak surut-surut, air akan mula masuk ke seluruh rumah,” katanya.

Kawasan perkuburan ditenggelami air

SEMENTARA itu, Ahli Jawatankuasa Masjid Ubudiah, Muharam Ali berkata, kawasan perkuburan berhampiran pekan itu dinaiki air hampir dua minggu lalu 0.3 meter.

“Jika masalah ini berlarutan kita bimbang sekiranya berlaku kematian, apapun keadaan, jenazah mesti diuruskan.

“Kita mahu masalah ini dapat diselesaikan segera dan adalah penting untuk pihak berkenaan mempunyai perancangan serta tidak menjalankan projek pembinaan yang menutup pintu kunci air ketika musim tengkujuh,” katanya.

Sementara itu, penduduk, Muslim Marimun, 50, berkata, projek pembinaan perlu ditunda dua hingga tiga bulan lagi selepas musim tengkujuh.

“Ini peraturan manusia dan atas dasar banjir berlaku itu, kita boleh buat dan ubah peraturan itu dengan menunda projek berkenaan. Kita yakin kalau pam digunakan, hanya akan meningkatkan kos sahaja sedangkan air dikeluarkan tidak memadai dengan air yang masih banyak,” katanya.

Bagi penduduk, Yusuf Kusni, 42, tempoh banjir lama di kawasan kebun menyebabkan hasil kampung terjejas antara pisang dan kelapa sawit.

“Banjir di kawasan kebun menjadi topik utama perbincangan apabila masing-masing bertemu dan mahu masalah yang menjejaskan pengaliran air keluar ke laut di atasi segera.

“Apa tidaknya laluan mengeluarkan hasil terjejas, sawit juga tidak dapat dikait dan pisang rosak terendam lama di dalam air,” katanya.

Bagi Sholih Mokhtar, 44, banjir yang berlaku menyebabkannya mengalami anggaran kerugian sekitar RM100,000 apabila 4 hektar tanam-

an pisang berangan yang sudah hampir berbuah mulai dinaiki air; manakala 16 hektar lagi pisang abu turut menerima nasib sama.

“Saya letakkan tiga pam di sekitar tanaman pisang berangan untuk mengepam air keluar ke parit tetapi ke tiga-tiga pam itu tidak dapat berfungsi kerana parit ditenggelami air. Lihat sahajalah, daun mula menguning dan kita risau tanaman tidak dapat diselamatkan jika keadaannya berterusan

“Sekarang saya hanya boleh membuat batas kecil di sekeliling kebun sebagai usaha untuk mengelakkan air terus memasuki kawasan kebun demi menyelamatkan tanaman terutamanya pisang berangan,” katanya.

Jejas aktiviti harian penduduk kampung

“JIKA hujan lagi malam ini, pasti air akan mula memasuki rumah,” kata penduduk Desa Kasih BNO, Azmi Nar, 45.

Menurut Azmi, air akan mula memasuki rumah jika air dari parit pembuang yang berada di hadapan rumahnya masih tidak dapat dialirkan keluar dengan kadar segera manakala air dari longkang di bahagian belakang rumah sudah mula melimpah.

“Jabatan Pengairan dan Saliran

(JPS) mesti membantu mengatasi segera masalah ini, kerana ia bukan sahaja akan mula memasuki rumah penduduk malah akan membantutkan kerja penduduk di sini yang kebanyakannya melakukan kerja kampung seperti berkebun.

“Kalau sudah banjir seperti ini, kita sudah tidak boleh bekerja, sedangkan pendapatan kebanyakan penduduk adalah bersumberkan kerja kampung dan kebun. Kalau kita pergi ke kebun pun, kita hanya dapat melihat sahaja dan tidak dapat melakukan apa-apa,” katanya.

JPS digesa ambil tindakan drastik

PENDUDUK sekitar BNO merayu Jabatan Pengairan dan Saliran mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah berkenaan.

Mereka merayu JPS mempertimbangkan untuk menanggukkan seketika projek membina kunci air dan membuka semula kunci air sedia ada supaya air banjir dari kawasan sekitar dapat dialirkan ke laut.

Pada masa sama, ada penduduk yang mahu JPS mempertimbangkan usaha menggunakan pam yang mempunyai kapasiti yang tinggi untuk mengepam air keluar ke laut dan menambah bilangan pam berkenaan bagi mengurangkan masalah itu.



Keadaan kawasan tanah perkuburan di sini digenangi air.

BELI SATU DAPAT SATU PERCUMA!

Tertakluk pada terma & syarat

Kain samping dewasa
dari **RM25**

Melayu budak
sepasang dari **RM10**

Baju Melayu dewasa
sepasang dari **RM49**

Kemeja linen
dari **RM38**



A'NIZ

134 Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur
(Deretan Sogo) Tel: 03.26931616